

BELANJAWAN 2026
GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS
SUMBANGAN BAGI PROGRAM PENDIDIKAN ANTIRASUAH / PENCEGAHAN
RASUAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. PENGENALAN DAN TAKRIFAN

- 1.1 Selaras dengan pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Strategy* - NACS) 2024 – 2028 ke arah memupuk budaya pencegahan rasuah dalam organisasi, Kerajaan melalui Belanjawan 2026 telah bersetuju supaya program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah anjuran Pertubuhan Masyarakat Sivil (*Civil Society Organisation* - CSO) diluluskan sebagai projek berkepentingan nasional di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang mana penderma akan diberi potongan cukai sehingga 10 peratus daripada pendapatan agregat bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam kalangan masyarakat umum dalam usaha memerangi rasuah.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan menerangkan:
- (i) CSO yang layak;
 - (ii) Program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang layak;
 - (iii) Derma atau sumbangan yang layak potongan cukai pendapatan;
 - (iv) Prosedur permohonan;
 - (v) Syarat pematuhan dalam tempoh kelulusan;
 - (vi) Tempoh permohonan dan tempoh kelulusan;
 - (vii) Layanan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967; dan
 - (viii) Larangan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967.

2. PEMOHON YANG LAYAK

- 2.1 CSO yang layak merujuk kepada:
- (i) Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]. SBMJ hendaklah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat awam yang tidak mempunyai modal saham dan tiada agihan keuntungan dalam bentuk dividen serta memiliki lesen di bawah Subseksyen 45(3) dan 45(5) Akta 777;
 - (ii) Sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pendaftar Pertubuhan Malaysia);
 - (iii) Sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri); atau]
 - (iv) Institusi / Organisasi yang telah mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967;

- 2.2 CSO yang layak perlu menyatakan dengan jelas objektif untuk melaksanakan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang layak dalam perlembagaan, memorandum penubuhan atau peraturan.
- 2.3 CSO hendaklah ditubuhkan di Malaysia dan bukan beroperasi atau dijalankan untuk tujuan mencari keuntungan semata-mata.
- 2.4 CSO yang telah mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967 hendaklah mewujudkan akaun berasingan bagi penerimaan dan penggunaan dana dari derma atau sumbangan yang diterima untuk program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah.
- 2.5 CSO hendaklah mengemukakan nombor pengenalan cukai (TIN) semasa mengemukakan permohonan dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi setiap tahun taksiran.

3. PROGRAM PENDIDIKAN ANTIRASUAH / PENCEGAHAN RASUAH YANG LAYAK

- 3.1 Program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang layak diluluskan sebagai projek berkepentingan nasional selaras dengan Seksyen 44(11C) ACP 1967 hendaklah:
 - (i) Merupakan anjuran CSO yang layak;
 - (ii) Diiktiraf oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - (iii) Memberi manfaat kepada masyarakat umum dan tidak menyentuh isu sensitif seperti politik, perkauman dan keagamaan;
 - (iv) Tanpa mempunyai kepentingan langsung kepada penderma atau penyumbang, bukan bermotifkan keuntungan dan tidak melibatkan kutipan bayaran penyertaan; dan
 - (v) Dilaksanakan dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

4. DERMA / SUMBANGAN YANG LAYAK MENDAPAT POTONGAN CUKAI

- 4.1 Hanya derma atau sumbangan dalam bentuk tunai kepada program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang layak sahaja boleh mendapat potongan cukai pendapatan bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat dan terhad sehingga 10% daripada pendapatan agregat.
- 4.2 Derma atau sumbangan hendaklah tidak melibatkan sebarang balasan kepada penderma atau penyumbang dan tidak tertakluk kepada sebarang syarat daripada penderma atau penyumbang.

- 4.3 Derma atau sumbangan hendaklah bukan merupakan pemberian melalui sebarang skim pinjaman kewangan ataupun dikenakan faedah.
- 4.4 Derma atau sumbangan hendaklah tidak tertakluk kepada urusan timbang balik atau pertukaran manfaat antara CSO dengan penderma atau penyumbang. Sebarang perjanjian antara CSO dengan penderma atau penyumbang berkaitan penggunaan derma atau sumbangan yang diterima adalah tidak dibenarkan.

5. PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:
 - (i) Presiden, Pengerusi, Pengarah, Setiausaha CSO yang layak; atau
 - (ii) Wakil / ejen cukai yang dilantik secara sah. Surat lantikan wakil / ejen cukai mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.
- 5.2 Permohonan rasmi hendaklah dikemukakan secara bertulis dengan menggunakan kepala surat rasmi yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, e-mel, nombor telefon berserta dokumen sokongan yang terkini seperti berikut:
 - (i) Latar belakang dan fungsi utama CSO;
 - (ii) Salinan sijil pendaftaran CSO;
 - (iii) Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk 3 tahun terkini dan nombor pengenalan cukai (TIN) CSO;
 - (iv) Penyata akaun / penyata kewangan tahunan beraudit / penyata untung/rugi / akaun pengurusan CSO bagi tempoh 3 tahun sebelum tahun permohonan;
 - (v) Perlembagaan / Surat Ikatan Amanah / Undang-undang bertulis / Peraturan / Memorandum CSO yang menyatakan dengan jelas objektif untuk melaksanakan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah;
 - (vi) Latar belakang (termasuk objektif, senarai aktiviti dan penglibatan komuniti), perincian kos dan tempoh pelaksanaan bagi program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang hendak diluluskan;
 - (vii) Surat SPRM yang mengiktirafkan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang hendak diluluskan;
 - (viii) Penetapan penggunaan derma / sumbangan yang diterima; dan

- (ix) Senarai lengkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa (ALPA / ALP / AJK) CSO termasuk nama, alamat, nombor kad pengenalan, TIN dan jenis pekerjaan.
- 5.3 Pemohon perlu mengisi, mengesahkan dan memperakui penghantaran dokumen semasa membuat permohonan. Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses.
- 5.4 Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan ke alamat berikut:
- Setiausaha Bahagian Cukai
Aras 6, Blok Tengah
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 5.5 Permohonan yang diluluskan akan menerima surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) yang mengandungi maklumat berikut:
- (i) Program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan;
 - (ii) Tempoh kelulusan;
 - (iii) Tanggungjawab dan larangan dalam tempoh kelulusan (termasuk syarat-syarat khas sekiranya ada); dan
 - (iv) Akibat pelanggaran syarat dan larangan dalam tempoh kelulusan.

6. SYARAT PEMATUHAN DALAM TEMPOH KELULUSAN

- 6.1 CSO hendaklah memastikan komposisi ALPA / ALP / AJK CSO adalah seperti berikut:
- (i) Lebih 50% ALPA / ALP / AJK hendaklah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan urusan CSO;
 - (ii) Lantikan individu tertentu yang boleh menimbulkan kepentingan tertentu adalah tidak dibenarkan; dan
 - (iii) Lantikan individu hendaklah bersesuaian dengan fungsi CSO;
- 6.2 CSO hendaklah memastikan dana sumbangan tidak dinikmati oleh ALPA / ALP / AJK serta ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan atau mana-mana pihak yang mengendalikan dana awam yang diterima bagi tujuan penganjuran program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah.

- 6.3 CSO hendaklah mengguna pakai sepenuhnya derma atau sumbangan awam yang diterima bagi tujuan penganjuran program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah.
- 6.4 CSO hendaklah menyediakan akaun yang berasingan untuk merekodkan penerimaan dan penggunaan derma atau sumbangan.
- 6.5 CSO hendaklah mengemukakan kepada LHDNM senarai lengkap penderma atau penyumbang yang telah menderma sebanyak RM1,000.00 dan ke atas yang mengandungi maklumat lengkap penderma seperti berikut:
- (i) Nama penderma atau penyumbang;
 - (ii) Nombor pendaftaran syarikat / perniagaan / kad pengenalan / pasport dan TIN;
 - (iii) Alamat lengkap; dan
 - (iv) Amaun sumbangan dan tarikh.
- 6.6 CSO hendaklah mengemukakan BNCP seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 77 ACP 1967.
- 6.7 CSO hendaklah memastikan semua rekod dan dokumen berkaitan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang dikendalikan CSO disimpan untuk rujukan dan semakan pihak MOF atau LHDNM sekiranya diperlukan kelak.
- 6.8 CSO hendaklah memastikan semua derma atau sumbangan tunai awam yang diterima dikeluarkan resit rasmi dan mengandungi maklumat berikut:
- (i) Nama dan alamat CSO;
 - (ii) Nombor siri resit rasmi yang bercetak (pre-printed);
 - (iii) Tarikh resit;
 - (iv) Nama penderma / penyumbang berserta nombor kad pengenalan / nombor Pasport / nombor pendaftaran perniagaan dan TIN;
 - (v) Alamat surat menyurat penderma atau penyumbang;
 - (vi) Amaun yang didermakan;
 - (vii) Jawatan pemungut (*collector*) seperti Pengerusi / Pegawai Kewangan / Bendahari;
 - (viii) Nombor rujukan kelulusan oleh MOF; dan
 - (ix) Tarikh atau tempoh kuatkuasa kelulusan.

- 6.9 Pemakluman secara bertulis perlu dibuat kepada MOF bagi perkara berikut:
- (i) Pindaan kepada Perlembagaan / Surat Ikatan Amanah / Undang-Undang bertulis / Peraturan / Memorandum;
 - (ii) Sebarang pertukaran alamat CSO; dan
 - (iii) Pembubaran atau penyerahan balik status kelulusan.
- 6.10 CSO hendaklah menyediakan laporan tahunan yang lengkap dalam tempoh kelulusan yang mengandungi butiran terperinci seperti berikut dan seterusnya dikemukakan kepada LHDNM apabila diminta:
- (i) Senarai aktiviti yang dianjurkan di bawah program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan;
 - (ii) Bilangan peserta yang terlibat; dan
 - (iii) Peruntukan perbelanjaan.

7. TEMPOH PERMOHONAN DAN TEMPOH KELULUSAN

- 7.1 Tempoh permohonan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 adalah mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2028.
- 7.2 Tempoh kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 akan diberi pertimbangan oleh MOF berdasarkan tempoh pelaksanaan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang hendak diluluskan. Had tempoh kelulusan yang boleh diberi adalah sehingga 31 Disember 2028 sahaja.

8. LAYANAN PENCUKAIAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11C) ACP 1967

- 8.1 Penderma yang memberi sumbangan dalam bentuk tunai kepada program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 dan disokong oleh resit rasmi / e-Invois layak mendapat tolakan atas sumbangan tersebut dalam pengiraan pendapatan agregat.
- 8.2 Sumbangan berupa barangan boleh diterima oleh CSO bagi tujuan penganjuran program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 tetapi tidak layak untuk mendapat resit bagi tujuan potongan cukai.

9. LARANGAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11C) ACP 1967

9.1 CSO yang menganjurkan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut:

- (i) Menggunakan logo rasmi MOF atau LHDNM atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- (ii) Membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif;
- (iii) Melibatkan diri dalam pembiayaan sebarang aktiviti keganasan;
- (iv) Mengatur atau pun terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram;
- (v) Menyalahgunakan dana awam bagi tujuan lain yang tidak selari dengan objektif yang telah digariskan dan boleh menjurus kepada ketirisan hasil;
- (vi) Membenarkan pihak lain menggunakan resit kelulusan Subseksyen 44(11C) ACP; dan
- (vii) Melanggar syarat dalam garis panduan ini.

10. KELULUSAN DITARIK BALIK

10.1 YB Menteri Kewangan pada bila-bila masa berhak untuk menarik balik kelulusan, sekiranya CSO yang menganjurkan program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967 didapati 1967 melanggar mana-mana syarat dan larangan yang ditetapkan.

10.2 Penerimaan derma atau sumbangan dan pengeluaran resit potongan cukai kepada penderma atau penyumbang adalah tidak dibenarkan mulai tarikh program pendidikan antirasuah / pencegahan rasuah yang ditarik balik kelulusannya di bawah Subseksyen 44(11C) ACP 1967.

Disediakan oleh:

Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan
28 Julai 2026